selangorkini
EDISI KHAS
ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
DYMM SULTAN SELANGOR
PP 19570/07/2020 (035196) 8 - 14 DISEMBER 2022 PERCUMA www.selangorkini.my

# Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU



## DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K. (TERENGGANU), D.K. (KELANTAN), D.K. (PERAK), D.K. (PERLIS),
D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K. (KEDAH), D.K. (JOHOR), D.K. (PAHANG) .S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

## SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-77
Pada 11 Disember 2022 bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H



### Kurnia 3,000 judul buku bermutu

Ulat buku rujuk bahan bacaan Sultan Sharafuddin

8



### Miliki keris berusia 300 tahun

Koleksi unik Sultan Selangor dipamer

36



### Sultan Ibrahim cipta mata wang negeri

Syiling timah tulisan jawi tertera nama Baginda

37

# Sembah takzim Dato' Menteri Besar



Patik yang mewakili rakyat jelata, kepimpinan serta barisan penjawat awam pentadbiran Kerajaan Negeri, merafak sembah taat setia dan menjunjung kasih tahniah buat Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya bersempena Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke-77.

Patik berdoa ke hadrat Ilahi, semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dilanjutkan usia dan senantiasa berada dalam limpahan rahmat dan perlindungan Allah SWT.

Patik dan seluruh rakyat jelata amat bersyukur kepada Allah SWT kerana diberi izin oleh-Nya untuk dinaungi kedaulatan Tuanku Sultan. Patik-patik sekalian senantiasa mendoakan agar Tuanku dan DYMM Tengku Permaisuri serta kerabat dikurnia dan dilimpahi rahmat, keberkatan, kemuliaan, keafiatan serta dipelihara keselamatan yang baik hendaknya.

Doa sekalian rakyat juga dipanjatkan ke hadrat Allah SWT untuk Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah dan seterusnya kepada puteri-puteri dan adinda-adinda tuanku, waris-waris serta kerabat diraja sekalian, semoga berada dalam keadaan kesejahteraan, dikurniakan taufik dan hidayah oleh Allah SWT.

**Dato' Seri Amirudin Shari**
**11 Disember 2022**
**16 Jamadilawal 1444**

# Titah jadi pedoman buat rakyat



Sepanjang 2022, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menitahkan beberapa keputusan penting demi kemaslahatan umat Islam dan rakyat Selangor umumnya.

Selain penetapan beberapa perkara, Baginda turut prihatin dengan keperluan semasa dengan membuat teguran dalam beberapa isu membabitkan perpaduan, integriti dan keadilan.

Baginda juga berkenan menerima pelantikan beberapa jawatan antaranya Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).

Wartawan, NAZLI IBRAHIM mengimbau kembali beberapa titah dan pelantikan sama ada pada peringkat negeri mahupun kebangsaan.



Bagi memastikan kemuliaan darjah kebesaran negeri Selangor, pada 12 September, Sultan Sharafuddin menitahkan untuk menarik balik darjah kebesaran daripada bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan isterinya Datin Seri Rosmah Mansor.

Penarikan balik dan pembatalan keahlian ini selaras kuasa prerogatif Baginda bawah Perkara XXXVIII dan Perkara XXXIX Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959 serta statut darjah kebesaran yang berkaitan dan konvensi yang diamalkan di Selangor.

Penarikan ini dibuat ekoran keputusan mahkamah mengekalkan hukuman terhadap Najib bersabit tuduhan salah guna kuasa, rasuah dan pecah amanah berhubung kes SRC International Sdn Bhd.

Rosmah pula didakwa di mahkamah atas tiga pertuduhan meminta dan menerima rasuah berkaitan projek solar di sekolah-sekolah Sarawak.

Baginda turut menarik semula darjah kebesaran bekas Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Mohd Arif Ab Rahman selepas sabitan pertuduhan rasuah.

**Tegas**

Sultan Sharafuddin memang diketahui sebagai raja pemerintah yang cukup tegas dengan pendiriannya yang tidak mahu institusi masjid dan surau dipolitikkan demi memastikan kesucian agama Islam dan perpaduan ummah.

Selaras itu, Baginda bertitah tauliah mengajar agama Islam di Selangor yang diberikan kepada mana-mana aktivis politik ditarik balik mulai 1 Januari 2022.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dalam kenyataan pada 28 Disember 2021 berkata Baginda tegas supaya agama Islam tidak dipolitikkan mana-mana pihak khususnya di masjid dan surau.

Bagaimanapun, ahli majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang memegang portfolio agama Islam boleh menyampaikan pengajaran agama Islam, dengan syarat tidak menyentuh hal berkaitan politik.

Cakna dengan isu integriti yang membelenggu pimpinan politik masa kini, Sultan Sharafuddin pada 21 Oktober mengingatkan pemimpin yang hanya mahukan kuasa dan mencari kekayaan dunia, akan menjadi perosak dan pengkhianat kepada rakyat dan negara.

SAMBUNG MUKA 4 ▶

DARI MUKA 3

Menerusi hantaran di Facebook Selangor Royal Office, Sultan Sharafuddin memetik khutbah Jumaat pada hari berkenaan dan menegaskan pemimpin yang khianat, menipu dan menyalahgunakan kuasa untuk mengumpul kekayaan diri, pasti akan dibenci oleh rakyat dan dikutuk oleh Allah SWT kerana boleh menjahanamkan negara.

"Sesungguhnya pemimpin yang tidak menegakkan nilai integriti, kejujuran dan amanah, akan menyebabkan pemimpin itu sendiri terjerumus ke dalam aktiviti bersifat kemunafikan dan kemaksiatan, seperti amalan rasuah, salah guna kuasa, pecah amanah dan menyebarkan fitnah, yang mengakibatkan kerosakan sebuah kehidupan bermasyarakat dan bernegara," titah baginda.

Prihatin dengan isu yang boleh merosakkan sistem keadilan negara, Sultan Sharafuddin menitahkan semua pihak hendaklah memelihara nama baik badan kehakiman supaya tidak dicemari pengaruh dan tekanan.

Titah Baginda, pihak eksekutif perlu mendukung penuh prinsip kebebasan kehakiman dan mengelak cubaan mempengaruhi proses pentadbiran keadilan.

"Pepatah ada menyatakan apabila seseorang hakim membuat keputusan, ia hendaklah diputuskan atas dasar "without fear or favour" (tanpa rasa takut atau pilih kasih)," titah Baginda ketika merasmikan Port Klang Cruise Terminal, Pelabuhan Klang pada 5 September 2022.

DYMM Sultan Selangor juga menegur bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Idris Ahmad yang menyarankan umat Islam supaya tidak hadir program kebudayaan Jepun, Bon Odori atas alasan dikatakan mengandungi unsur agama lain.

Pada 9 Jun, Baginda menitahkan Idris untuk hadir ke program Bon Odori supaya memahami perbezaan antara agama dan budaya. Baginda juga tidak mahu mantan menteri itu menggunakan platform Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk membuat kenyataan mengelirukan dan tidak tepat.

Titah Sultan Sharafuddin, perbuatan itu juga boleh menjejaskan imej dan reputasi jabatan kerajaan persekutuan berkenaan.



### Pelantikan

Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-258 berkenan memilih Sultan Sharafuddin sebagai Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) untuk tempoh dua tahun.

Menurut kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad pada 12 Mac, mesyuarat itu membuat ketetapan bahawa salah seorang raja pemerintah wajar memenuhi peranan dan tanggungjawab pengerusi bagi tempoh dua tahun secara bergilir-gilir, sementara perdana menteri pula dilantik sebagai timbalan pengerusi.

Syed Danial berkata keputusan ini bertepatan berikutan hal ehwal agama Islam terletak di bawah bidang kuasa raja-raja pemerintah.

Sehubungan dengan peranan baharu yang dipegang Baginda, Sultan Sharafuddin berkenan melantik bekas Mufti Johor Datuk Nooh Gadut sebagai pengerusi Jawatankuasa MKI berkuat kuasa 30 Jun 2022 hingga 29 Jun 2024.

Menerusi kenyataan istana pada 15 Ogos 2022, Baginda berkenan mengurniakan watikah pelantikan di Istana Bukit Kayangan dan menyaksikan majlis serah tugas daripada mantan Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah MKI Datuk Wan Zahidi Wan Teh yang juga mufti Perak.

Pada 17 Ogos, Baginda mengurniakan watikah pelantikan pengerusi Jawatankuasa Perundangan Islam Kebangsaan (JPIK) kepada mantan Ketua Hakim Besar Malaya, Tan Sri Datin Paduka Zaharah Ibrahim yang berlangsung di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam.

Pelantikan itu berkuat kuasa 30 Jun 2022 hingga 29 Jun 2024 diperkenan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-259.

Mantan Ketua Pengarah Pelajaran Tan Sri Alimuddin Mohd Dom dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Islam Kebangsaan di bawah MKI yang baharu.

Pelantikan berkenaan mendapat perkenan Sultan Sharafuddin berkuatkuasa 30 Jun 2022 sehingga 29 Jun 2024.

Majlis penyampaian watikah itu berlangsung di Istana Bukit Kayangan yang turut disaksikan Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Professor Dato' Dr Wan Kamal Mujani pada 21 Ogos.

### Tegah Jakim

Bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan rakyat, Sultan Sharafuddin bertitah menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) tiada hak mengeluarkan apa-apa kenyataan yang diputuskan (MKI).

Titah Baginda, kenyataan adalah di bawah bidang kuasa pengerusi jawatankuasa berkenaan dan Majlis Raja-Raja.

"Menteri (Hal Ehwal Agama) dan timbalannya bukan ahli MKI mahupun ahli Jawatankuasa Muzakarah, justeru mereka tidak boleh mencampuri apa-apa keputusan Jawatankuasa Muzakarah dan MKI.

"Jakim hanya bertindak sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Muzakarah dan MKI," titah Baginda dalam kenyataan 9 April lalu.

Pada 6 Oktober, Sultan Sharafuddin sekali lagi menitahkan supaya sebarang kenyataan berhubung keputusan MKI hanya boleh dibuat pengerusi muzakarah bagi menjamin integriti dan kepercayaan rakyat terhadap jawatankuasa berkenaan.

"Ini penting untuk memastikan agar keputusan muzakarah di peringkat kebangsaan dan fatwa di peringkat negeri tidak dipengaruhi unsur-unsur politik kepartian," titah Baginda.

Pada 26 September, Sultan Sharafuddin berkenan menyerahkan 19 watikah pelantikan pelbagai jawatan kepada tiga agensi negeri di Istana Bukit Kayangan.

Pelantikan itu selaras Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (EPAINS 2003) melibatkan Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Jabatan Kehakiman Syariah Selangor dan Jabatan Mufti Selangor.

DYMM Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan melantik semula Sultan Sharafuddin sebagai canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) berkuat kuasa 1 April 2022 hingga 31 Mac 2029.

Naib Canselor UPM Prof Dato' Dr Mohd Roslan Sulaiman mempersembah watikah lantikan semula di Istana Bukit Kayangan pada 5 Jun 2022. Baginda menjawat jawatan sebagai canselor UPM sejak 2002 sehingga kini.

### Covid-19

Berikutan langkah Majlis Keselamatan Negara melonggarkan tatacara operasi piawai (SOP) kawalan Covid-19 secara berperingkat, Sultan Sharafuddin pada 18 Januari 2022 menitahkan ruang solat dan ruang limpah dibenarkan sepenuhnya bagi menunaikan solat Jumaat.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata Baginda turut berkenan membenarkan penetapan jarak satu meter antara jemaah.

Ketetapan ini meningkatkan kapasiti jemaah solat Jumaat sehingga 35 peratus tertakluk kepada keluasan fizikal masjid dan surau, berbanding jumlah jemaah dibenarkan melalui ketetapan terakhir Jais pada November 2021.

Pada 1 April, Baginda berkenan supaya solat berjemaah di masjid dan surau di seluruh negeri ini merapatkan saf.

Ketetapan pada 27 Mac itu dibuat selepas Baginda mengadakan satu rundingan bersama beberapa agensi kerajaan negeri dan Dewan di-Raja Selangor.

Sebagai raja pemerintah yang sering menghargai jasa tokoh negara, DYMM Sultan Selangor sudah beberapa kali menitahkan nama tokoh diabadikan di jalan-jalan negeri ini. Tahun ini, nama pengarah pertama Institut Teknologi Mara Tun Arshad Ayub diabadikan di salah sebuah jalan di Seksyen 1, Shah Alam.

Menurut Selangor Royal Office pada 23 Jun, pertukaran nama itu dilaksanakan Majlis Bandaraya Shah Alam serta-merta susulan titah Sultan Sharafuddin.

"Pertukaran nama persiaran ini merangkumi jalan sepanjang 1.62 kilometer bermula dari Bulatan Bistari Seksyen 2 iaitu di hadapan pintu masuk utama UiTM hingga ke persimpangan lampu isyarat berhampiran Universiti Selangor di Seksyen 7, Shah Alam," menurut kenyataan menerusi Facebook Selangor Royal Office.










Foto Persatuan Bolasepak Selangor (FAS)

# Pencetus kebangkitan bola sepak

Oleh **NAZLI IBRAHIM**

Status Selangor FC sebagai naib juara TM Piala Malaysia membuka mata banyak pihak khususnya peminat Red Giant yang resah lantaran prestasi hambar dalam saingan liga musim ini.

Keterujaan 'pemain ke-12' itu mula melonjak sejak jurulatih berpengalaman Tan Cheng Hoe, juga bekas pengendali Harimau Malaya, dilantik sebagai jurulatih skuad tersebut.

Sejak itu, kemenangan kerap diraih. Daripada tangga kelapan liga kepada kedudukan kelima, ditambah pula kejayaan mara ke perlawanan akhir kejohanan antara tertua di rantau Asia.

Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah selaku pengerusi tentunya terlibat dalam merencana pelbagai perancangan bola sepak negeri termasuk kebangkitan semula Selangor FC.

Dalam titah pada 30 Ogos, Baginda memberi bayangan untuk menyusun pengurusan sukan itu ke arah lebih baik bagi menghadapi saingan musim depan.

"Beberapa pelantikan teknikal baharu termasuk pengarah sukan, pengarah teknikal, bahagian kejurulatihan, serta langkah lain perlu diambil untuk memperkuatkan pasukan utama Selangor FC," titah Baginda.

Turut dilantik, bekas pemain legenda K Sanbagamaran sebagai penasihat teknikal pasukan utama pada 24 September. Selangor FC dijangka menampilkan strategi baharu dan corak permainan lebih tersusun.

Tanpa kejuaraan sejak 2015, peminat ternanti-nanti trofi pertama sejak pasukan itu berstatus kelab, lebih-lebih lagi kejayaan 33 kali menjulang Piala Malaysia segar di hati peminat. Mereka juga mahu beraksi di pentas Asia 2024.

**Lahir bakat baharu**

Tengku Amir Shah selaku presiden Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) juga giat menyusun perancangan bagi mencungkil bakat pada peringkat akar umbi.

Penubuhan Selangor Youth Community (SAY) cetusan idea Baginda membantu pembangunan belia dengan memperkenal kejohanan Selangor Champions League (SCL) pada 2016.

Pertandingan itu menghimpunkan juara pelbagai liga amatur untuk merebut gelaran pasukan amatur terbaik. Football Selangor yang ditubuh pada 2017 memainkan peranannya menyatukan masyarakat bola sepak amatur di negeri ini.

Saban tahun, penganjuran SCL menjadi tumpuan pasukan amatur. Sebanyak 16 pasukan bertanding dalam edisi tahun ini. SCL yang turut disertai beberapa bekas pemain kebangsaan menjadi liga berprestij di Selangor.

FAS juga bekerjasama dengan lebih 36 penganjur liga-liga amatur persendirian di seluruh negeri bawah program Affiliated League. Ada dua kategori liga iaitu slot automatik dan pusingan kelayakan.

Enam liga amatur dengan prestasi terbaik mendapat slot automatik. Liga lain mendapat dua slot ke pusingan kelayakan dan seterusnya pasukan terbaik mara ke saingan SCL.



Liga Junior FAS pula melibatkan pasukan kategori bawah-14 dan bawah-17 yang disertai akademi tunas dan pusat latihan daerah di sekitar Lembah Klang.

Bagi FAS Youth League, bakat baharu bagi kategori umur bawah-20 tahun dan bawah 18 tahun diserap dalam skuad Piala Presiden dan Piala Belia Selangor FC.

Tengku Amir Shah juga tidak meminggirkan bakat wanita dalam sukan bola sepak apabila memperkenal Liga Super Wanita FAS (FAS WSL).

Diasaskan pada 2021, FAS WSL memberi ruang kepada wanita mempamer bakat dalam bola sepak. Edisi pertama menobatkan pasukan Negeri Sembilan sebagai juara sulung dengan menewaskan Footsouls 1-0.





# Perkukuh mutu pendidikan

Oleh **NAZLI IBRAHIM**

Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin sebagai Pro-Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) memastikan institusi pengajian tinggi (IPT) itu untuk terus unggul di negara ini.

Keyakinan tersebut dinyatakan Yang di-Pertuan Agong DYMM Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dalam titahnya ketika mewasalkan majlis bersempena istiadat konvokesyen UiTM ke-93 pada 14 Jun.

Lanjutan pemasyhuran berkuat kuasa antara 18 Oktober 2021 hingga 17 Oktober 2024, Tengku Permaisuri Norashikin berhasrat untuk mengangkat universiti terbesar tanah air menjadi institusi terkemuka dunia pada 2025.

"Saya akan bersama-sama UiTM untuk memberi komitmen dan kerjasama agar cita-cita ini dapat dicapai pada 2025 nanti," titah Baginda selepas menyempurnakan penyampaian ijazah doktor falsafah, sarjana dan sarjana muda.

Tengku Permaisuri turut memuji usaha UiTM sebagai kampus lestari melalui Pusat Hijau UiTM dan Institut Pembangunan Mampan dan Biodiversiti menerusi pelbagai langkah termasuk projek solar dan penanaman pokok.

Baginda juga bangga kerana universiti itu menduduki tempat ke-150 terbaik dunia daripada 956 IPT yang disenarai U.I. Green-Metric World University Rankings 2021 selain tangga kesembilan daripada 28 universiti di Malaysia.

Kepada graduan, Baginda menekankan kepentingan supaya terus bersatu padu dalam memelihara kedaulatan tanah air dan tidak membiarkan negara dalam keadaan porak-peranda, kacau-bilau lalu hilang segala-galanya.

"Jika kita tidak bersatu, kita tidak akan mampu mempertahankan negara kita ini daripada pelbagai bentuk ancaman yang datang daripada pihak yang mahu melihat negara kita ini jatuh dan hancur," titah Baginda.

Baginda juga percaya teknologi tinggi dan pertumbuhan berasaskan digital antara penyelesaian isu pengangguran, kebolehpasaran siswazah dan pembangunan bakat sekali gus melahirkan pekerja berkemahiran tinggi.

**Pentingkan warisan**

Tengku Permaisuri Norashikin juga seorang yang mementingkan usaha mengekalkan nilai-nilai tradisi. Baginda berharap kepelbagaian budaya dan warisan negeri dipelihara dan disubur agar tidak hilang ditelan zaman.

Justeru, Baginda berkenan melancarkan tujuh buku terbitan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) di Pustaka Raja Tun Uda pada 8 Ogos.

Buku itu ialah Kesenian Telepuk Warisan Melayu Selangor; Penyelidikan Terkini Nisan Aceh di Selangor dan Warisan Telepuk Alam Melayu, ketiga-tiganya karya Intan Salina Idrus.

Selain itu, naskhah lain berjudul Kebaya Selangor tulisan Rohayu Mohd Yunus; Permainan Wau Kapal (Abdullah Anas Abu Bakar), Sulaman Kelingkan Melayu (Mohd Subli Musa) dan Tarian Piring Selangor (Mohd Lotfi Nazar).

Baginda juga menegaskan tradisi dan warisan elemen penting dalam membentuk jati diri sekali gus menjadi identiti sesebuah bangsa.




"Menjadi harapan saya agar kekayaan budaya, tradisi dan warisan yang dimiliki masyarakat majmuk di Selangor dapat dijadikan sebagai wadah yang memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat," titah Baginda lagi.

**Prihatin OKU**

Memiliki sifat prihatin terhadap orang kurang upaya (OKU), Tengku Permaisuri Norashikin adalah penaung Persatuan Untuk Orang Kelainan Upaya Akal Selangor dan Wilayah Persekutuan (SAMH).

Baginda terlibat dalam program amal antaranya Jualan Amal Makanan dan Pesta Ria pada 25 September yang meraih kutipan RM200,000 bagi membiayai keperluan kanak-kanak OKU akal selain membina kemudahan sekolah.

Selain itu, Tengku Permaisuri Norashikin memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran awam akan kepentingan mengesan penyakit barah lebih awal.

Pada 30 Oktober, Baginda berkenan melancarkan Program Unit Bergerak Membawa Maklumat ke Seluruh Negara (MURNI) kendalian Persatuan Kebajikan Kanser Payudara (BCWA).

Program itu bertujuan membantu meningkatkan kesedaran barah kepada penghidap, keluarga dan masyarakat serta mengenai kepentingan menjaga kesihatan.

# Pengiktirafan dari singgahsana



Setiap tahun, sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyaksikan individu berjasa dan berbakti dikurniakan darjah, bintang dan pingat kebesaran negeri.

Pengurniaan hak prerogatif Baginda selepas berunding dengan Dewan di-Raja Selangor dan lazimnya diberi kepada individu dalam pentadbiran, profesional atau ahli politik.

Sebahagian kurniaan itu membawa gelaran tertentu kepada penerima. Namun, persetujuan Dewan Negeri Selangor perlu jika melibatkan darjah, bintang dan pingat yang melibatkan perbelanjaan hasil negeri.

Enam darjah kebesaran paling kanan di Selangor disenarai sempena Hari Keputeraan Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ke-77.





**Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.)**

- darjah kelas pertama di Selangor
- darjah kebesaran tertinggi dizahir pada 1961
- dikurnia kepada kerabat diraja Malaysia
- atau raja negara lain sebagai tanda hormat, persahabatan
- maksimum 25 orang keseluruhan keahlian
- terdiri seutas kalung, lencana kalung, bintang darjah, selempang dan lencana selempang

**Darjah Kerabat Selangor Kedua (D.K. II)**

- darjah kebesaran dan pengurniaan kedua tertinggi di Selangor
- dizahir pada 1977
- dikurnia kepada kerabat diraja Malaysia
- tanda penghormatan kepada putera raja negara asing
- penyandang jawatan tinggi yang berjasa kepada Baginda/negeri layak dipertimbang
- terdiri seutas kalung, lencana kalung, bintang darjah, selempang dan lencana selempang

**Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.)**

- darjah kelas pertama dizahir pada 1961
- kuota ahli: dua orang pada satu masa, maksimum 40 orang
- ahli lelaki membawa gelaran Dato' Seri dan Datin Paduka Seri bagi ahli wanita
- isteri ahli lelaki berhak guna gelaran Datin Seri

**Darjah Kebesaran Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.)**

- darjah kebesaran kelas pertama dizahir pada 2002
- kuota ahli: dua orang pada satu masa, maksimum 40 orang
- ahli lelaki membawa gelaran Dato' Setia
- ahli wanita menggunakan gelaran Datin Paduka Setia
- isteri ahli lelaki diberi gelaran Datin Setia

**Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.)**

- darjah kelas kedua dizahir pada 1961
- kelayakan penerima sama dengan penerima pingat S.P.M.S
- kuota ahli: tidak lebih 20 orang pada satu masa, maksimum 600 orang
- penerima membawa gelaran Dato' bagi lelaki, Datin Paduka bagi wanita
- isteri ahli lelaki menggunakan gelaran Datin

**Darjah Kebesaran Dato' Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.)**

- darjah kelas kedua dizahir pada 2002
- sama taraf dengan D.P.M.S
- kuota ahli: tidak lebih 20 orang pada satu masa, maksimum 600 orang
- ahli lelaki berhak guna gelaran Dato', ahli wanita guna gelaran Datin Paduka
- isteri penerima ahli lelaki berhak guna gelaran Datin

*Sumber: Laman sesawang rasmi darjah kebesaran Selangor Darul Ehsan awards.selangor.gov.my/index.php*

# Naskhah kurniaan jadi rujukan




Foto Ahmad Zakki Jilan

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

Buku-buku kurniaan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menjadi rujukan ulat buku termasuk golongan pelajar dan penyelidik saban tahun.

Mengikut rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), penggunaan buku tersebut mencecah 5,404 kali sepanjang 2015, sebelum meningkat kepada 9,774 kali dua tahun kemudian.

Hanya ketika penularan wabak Covid-19 diikuti pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan antara 2020 hingga tahun lalu, penggunaannya merosot kepada 1,556 kali. Namun, ia meningkat kepada 3,907 kali setakat Oktober lalu.

Buku-buku yang diderma sejak 2011 hanya boleh digunakan dalam perpustakaan, tidak boleh dipinjam untuk dibawa pulang. Kebanyakan koleksi Baginda terdiri daripada edisi terhad termasuk sebahagiannya dari luar negara.




“Walau tidak boleh dibawa keluar tetapi ramai yang rujuk buku di perpustakaan memandangkan ia edisi yang sukar didapati. Ia digemari dalam kalangan pelajar dan penyelidik.

“Mereka kata buku berkenaan (kurniaan Baginda) sukar didapati dan ada yang terdiri daripada edisi pertama,” kata Timbalan Pengarah PPAS Suzliana Abdul Hamid.

**Biografi pemimpin dunia**

Hampir 3,000 judul buku kurniaan Baginda disusun rapi di rak tertera ‘Selected & Donated by H.R.H Sultan Idris Shah’ di tingkat empat bangunan Pustaka Raja Tun Uda, Seksyen 13 Shah Alam.

Paling banyak, buku biografi pemimpin dalam mahupun luar negara, daripada penghibur tersohor Allahyarham Tan Sri Dato’ SM Salim, Tan Sri P Ramlee hingga tokoh pentadbir Tun Ahmad Sarji.

Buku luar negara pula antaranya karya Sir Winston Leonard Spencer Churchill, perdana menteri Britain (1940-1945 dan 1950-1955). Antara judulnya Winston Churchill and The Art of Leadership dan How To Think Like Churchill.




Buku lain ialah biografi George V atau George Frederick Ernest Albert, Raja United Kingdom yang memegang takhta antara 1910 hingga 1936. Selain itu, buku lain berkaitan falsafah, psikologi, bahasa, teknologi, kesenian, sains, matematik dan sejarah.

“Tuanku Baginda suka baca berkenaan kepemimpinan, pemimpin luar negara terutamanya,” kata Suzliana lagi.

Beliau juga mendedahkan Sultan Sharafuddin juga mengupas kandungan buku ketika menyampaikan kurniaan itu semasa membuat kunjungan rasmi atau tidak rasmi ke Pustaka Raja Tun Uda.

“Tuanku jelaskan kepada kami isi kandungan buku yang dikurniakan Baginda. Jika ada 30 buku, hampir semuanya diterangkan.

“Maksudnya memang Baginda baca buku-buku berkenaan. Kecintaan Tuanku terhadap buku sangat jelas,” katanya sambil menambah Sultan Sharafuddin kerap bertanya sambutan buku kurniaan Baginda.

DYMM Sultan Selangor dalam satu majlis peluncuran buku pada 2017 ada mengingatkan segenap lapisan rakyat supaya rajin menelaah buku bermutu bagi meningkatkan pengetahuan mereka.

“Janganlah hanya bergantung kepada bacaan daripada media-media sosial yang banyak mengandungi khabar angin dan berita sensasi sahaja, bukan pengetahuan yang sebenar-benarnya,” titah Baginda.

Amalan Sultan Selangor membuat kurniaan buku itu turut dicontohi anakanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Tengku Amir Shah dan puterinya, Yang Amat Mulia Tengku Datin Paduka Setia Zatashah.

Selain itu, hampir 300 koleksi buku kurnian kerabat ditempatkan di bahagian kanak-kanak PPAS.

# Daulat Tuanku

Merafak sembah setinggi-tinggi tahniah sempena sambutan Hari Keputeraan ke-77 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj

Patik merakamkan doa ke hadrat Allah agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor serta semua anggota kerabat Tuanku berada dalam keadaan sihat, selamat dan sejahtera. Sesungguhnya penjawat awam di Selangor menyanjung tinggi dan menyayangi Tuanku

**DATO' HARIS KASIM**
Setiausaha Kerajaan Negeri

Patik merafak sembah sempena ulang tahun keputeraan Tuanku. Ketegasan Tuanku dalam memberi nasihat, teguran kepada pimpinan negeri demi memastikan Selangor terus maju dan sejahtera adalah acuan bagi kejayaan buat negeri yang bertuah ini

**NG SUEE LIM**
Speaker Dewan Negeri Selangor

Sempena ulang tahun keputeraan Sultan Selangor yang ke-77, patik menjunjung kasih merafak sembah memanjatkan doa agar Duli Tuanku dan keluarga sentiasa dalam lindungan keredaan keberkatan Allah, dimewahkan rahmat, rezeki serta dikurniakan kesihatan

**RODZIAH ISMAIL**
EXCO Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan

Merafak sembah setinggi-tinggi ucapan tahniah sempena ulang tahun keputeraan yang ke-77. Semoga dipanjangkan usia Tuanku di dalam keadaan sihat sejahtera. Patik berdoa semoga Tuhan memberkati pemerintahan berjiwa rakyat Tuanku kepada negeri bertuah dan sejahtera ini. Daulat Tuanku

**NG SZE HAN**
EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam

Sempena ulang tahun keputeraan, semoga Tuanku di dalam rahmat dan perlindungan Allah serta pemerintahan Tuanku terus subur sebagai penaung kepada seluruh rakyat. Semoga seluruh naungan Tuanku mendapat limpahan manfaat atas kebijaksanaan Tuanku. Daulat Tuanku

**MOHD KHAIRUDDIN OTHMAN**
EXCO Pembangunan Generasi Muda, Sukan dan Modal Insan

Patik dan seluruh warga kamar penasihat undang-undang negeri merafak sembah setinggi-tinggi tahniah serta ucapan Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan. Semoga Allah SWT melanjutkan usia, melimpahi maghfirah dan memberkati pemerintah berjiwa rakyat Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku

**DATO' SALIM SOIB@HAMID**
Penasihat Undang-Undang Negeri

Patik merafak sembah mendoakan Tuanku dilimpahkan rahmat serta sentiasa diberi kesihatan juga kesejahteraan. Semoga Allah memberkati dan merahmati pemerintahan berjiwa rakyat Baginda Tuanku Sultan Selangor. Daulat Tuanku

**DATUK RIZAM ISMAIL**
Ketua Pembangkang

Patik sekalian mendoakan semoga Tuanku dianugerahkan kekuatan dan keberkatan untuk terus bersemayam di atas singgahsana takhta pemerintahan dengan penuh kebesaran, kedaulatan dan kesejahteraan serta keluarga berada dalam kebahagiaan. Daulat Tuanku

**GANABATIRAU VERAMAN**
EXCO Kebajikan Masyarakat, Pekerja dan Kerajaan Prihatin

Patik mewakili seluruh rakyat merafak sembah taat setia dan menjunjung kasih tahniah buat Tuanku. Patik dan seluruh rakyat jelata memanjatkan puji dan syukur kepada Allah untuk dinaungi kedaulatan dan kesejahteraan serta pemerintahan Tuanku yang penuh rahmah

**DR SITI MARIAH MAHMUD**
EXCO Kesihatan Awam, Perpaduan, Wanita dan Keluarga

Merafak sembah dan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77. Semoga Allah Taala lanjutkan usia Tuanku serta memberkati pemerintahan Tuanku

**BORHAN AMAN SHAH**
EXCO Pembangunan Luar Bandar dan Kebudayaan

Patik sekalian merafak sembah, menjunjung kasih dan mengucapkan setinggi tahniah atas sambutan keputeraan Tuanku yang ke-77. Semoga Tuanku diberikan kesejahteraan dan sentiasa dalam peliharaan Allah SWT jua agar segala urusan dipermudahkan demi kepentingan rakyat. Daulat Tuanku

**DR AHMAD FADZLI AHMAD TAJUDDIN**
Pegawai Kewangan Negeri

Patik menjunjung kasih atas ulang tahun keputeraan Tuanku, Selangor telah mencapai pembangunan ekonomi yang menggalakkan sepanjang tempoh di bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku

**DATO' TENG CHANG KHIM**
EXCO Pelaburan, Perdagangan, Perindustrian, Industri Kecil dan Sederhana

Dengan hormat dan penuh takzim, patik merafak sembah taat setia dan menjunjung kasih tahniah buat Tuanku bersempena ulang tahun keputeraan Tuanku ke-77. Semoga budi yang disemai Tuanku diberkati Allah dan jasa Tuanku kepada negeri bertuah ini menjadi kenangan abadi. Daulat Tuanku

**IR IZHAM HASHIM**
EXCO Infrastruktur dan Pertanian

Dirgahayu, semoga berkat limpah kurniaan Tuanku, Selangor terus maju pesat membangun dan rakyat terus sepakat membawa berkat daulat Tuanku. Semoga segala usaha yang sedang dijalankan oleh kerajaan Tuanku akan memperoleh kejayaan. Semoga segala urusan dipermudahkan demi kepentingan rakyat. Dirgahayu Tuanku, Daulat Tuanku

**HEE LOY SIAN**
EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar

Daulat Tuanku. Merafak sembah dan setinggi-tinggi ucapan tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Selangor, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj yang ke-77. Patik dan rakyat jelata berdoa moga Tuanku diberikan perlindungan dari Allah SWT Dirgahayu Tuanku

**MOHD ZAWAWI AHMAD MUGHNI**
EXCO Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal

# Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU



## DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

## SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**
**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

YAB DATO' SERI AMIRUDDIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
KERAJAAN & SELURUH RAKYAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

# DAULAT TUANKU

**SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU**



## DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

## SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

**Sembah Takzim Daripada :**

**PKNS**

**Dan Kumpulan Anak Syarikat**

PKNS ENGINEERING & CONSTRUCTION BHD · SELANGOR INDUSTRIAL CORPORATION · selaman · PI BRILLIANT BERHAD · De Palma Hotel · WORLDWIDE HOLDINGS · SHAH ALAM CONVENTION CENTRE · AKADEMI PKNS · SELGATE Corporation · DATUMCORP INTERNATIONAL · PREC PKNS REAL ESTATE

SELANGOR

# Daulat Tuanku

## SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU



## DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

## SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**
**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

KSSB

KUMPULAN SEMESTA SDN BHD

dan anak syarikat

INFRASEL

KSSB CONSULT

SELGEM

Seltrade

KUALA LANGAT MINING

Darul Khusus Venture Sdn Bhd

SELANGOR

# Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

Sembah Takzim Daripada
Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurusan
dan Kakitangan

INVEST SELANGOR
THE GOLDEN STATE OF MALAYSIA



SELANGOR

# Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

Tourism SELANGOR

#PUSINGSELANGORDULU #SPLENDIDSELANGOR
www.selangor.travel




Sertai kami di
Jelajah Ehsan Rakyat
SELANGOR
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR
Ehsan
JUALAN JIMAT
POTONGAN HARGA KAW-KAW
9 Trak
9 Lokasi Sehari
Seluruh Selangor
YAB Dato' Seri Amirudin Shari
Dato' MenteriBesar Selangor
YB. Tuan Ir. Izham Hashim
Exco Infrastruktur & Pertanian Selangor
Sila Imbas
Jadual JER
#SelangorJER
#KitaSelangor
#DariRakyatUntukRakyat
*Tertakluk kepada terma dan syarat
DARI RAKYAT UNTUK RAKYAT

SELANGOR

# Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA TUANKU DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**
**IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D,K., D.M.N, D.K. (TERENGGANU), D.K.(KELANTAN) D.K (PERAK), D.K. (PERLIS), D.K. (NEGERI SEMBILAN), D.K.(KEDAH), D.K (JOHOR), D.K.(PAHANG), S.P.M.S., S.S.IS., S.P.M.J

**SULTAN DAN YANG DI PERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**
**SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat

Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang ke-77 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

SELGATE CORPORATION

• HEALTHCARE • PROPERTIES • YAYASAN

SLANGKAH Selamat Melangkah Step in Safety | SelCare | JOVIAN SELCARE pharmacy

• CLINIC • DENTAL • PHARMACY • DIAGNOSTICS • NURSING • MANAGEMENT
• INSURANCE • SENIOR LIVING • MEDITECH • DIALYSIS

# Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU



## DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

## SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**
**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

KDEB
WASTE MANAGEMENT
103002-H


SELANGOR
Daulat Tuanku
SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.
SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA
Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H
SEMBAH TAKZIM DARIPADA
PENGERUSI & AHLI LEMBAGA PENGARAH, PENGARAH & KAKITANGAN
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
RTU
PUSTAKA RAJA TUN UDA
DAN
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR


SELANGOR
Daulat Tuanku
SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.
SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA
Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H
SEMBAH TAKZIM DARIPADA
PENGERUSI, AHLI - AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH DAN WARGA KERJA YAYASAN SELANGOR
YAYASAN SELANGOR
YAYASAN
SELANGOR


SELANGOR
Daulat Tuanku
SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.
SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA
Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H
SEMBAH TAKZIM DARIPADA
Majlis Perbandaran Selayang


SELANGOR
Daulat Tuanku
SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.
SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA
Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H
SEMBAH TAKZIM DARIPADA
LEMBAGA PENGARAH, PENGURUSAN DAN WARGA KERJA
Pemaju:
CENTRAL SPECTRUM
Projek Pembangunan:
SBB INDUSTRIAL PARK
PIIP
Selangor Halal Hub
Anak Syarikat:
URBANCUBES SDN BHD

# Payung negeri

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sangat cakna dalam urusan negeri. Baginda amat prihatin dalam soal pentadbiran, hal ehwal agama Islam, alam sekitar dan aktiviti keilmuan.

Sebahagian kegiatan Baginda sepanjang tahun ini dipaparkan dalam tiga halaman foto berikut. Turut dimuatkan foto kegiatan DYMM Tengku Permaisuri Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tengku Amir Shah. Wartawan NADIAH ZAMLUS menyusun foto yang diambil daripada Facebook Royal Selangor Office.




Sultan Sharafuddin mengiringi Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ketika majlis perasmian Hospital Al-Sultan Abdullah di Puncak Alam, Kuala Selangor pada 23 Julai




Sultan Selangor selaku Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) menyampaikan Anugerah Graduan Terbaik ketika Majlis Konvokesyen ke-46 di UPM Kampus Bintulu, Sarawak pada 2 November



Sultan Selangor dan Tengku Permaisuri bergambar selepas melawat Ekspo 2020 Dubai pada 23 Januari. Ekspo berlangsung di UAE itu bermula 1 Oktober tahun lalu hingga 31 Mac tahun ini




Tuanku Sultan berkenan menerima zakat perniagaan dari Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Norita Mohd Sidek di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada 22 April



DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menanam anak pokok merbau sebagai simbolik pelancaran Pusat Ilmuan Hutan Hujan Tropika Elmina di Bandar Elmina, Shah Alam pada 31 Mei



Sultan Sharafuddin tersenyum ketika berbual dengan ahli kumpulan Selangor Symphony Youth Orchestra selepas merasmikan Dewan Serbaguna Tengku Ampuan Rahimah di Subang Jaya pada 4 Ogos



Sultan Sharafuddin diiringi DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin dan Tengku Amir Shah di Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) di MAEPS, Serdang pada 9 Ogos




Baginda Sultan berkenan merasmikan buku biografi aktivis sosial Tan Sri Lee Lam Thye bertajuk 'Call Lee Lam Thye - Recalling a Lifetime of Service' di Hotel Concorde Shah Alam pada 16 Jun



DYTM Raja Muda Selangor berkenan merasmikan sambutan Deepavali peringkat Selangor di Jalan Tengku Kelana, Klang pada 24 Oktober



Sultan Sharafuddin gembira melihat replika Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10, Shah Alam yang dirasmikan pada 12 September



Sultan Sharafuddin bersama penerima watikah pelantikan hakim dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada 26 September



Sultan Sharafuddin menyerahkan trofi kepada pasukan JDT yang menjuarai TM Piala Malaysia 2022 menewaskan Selangor FC 2-1 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 26 November



Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah (kanan) mengiringi Sultan Selangor ketika melawat Makmal Invasif Kardiologi (ICL) di Hospital Serdang pada 28 Mac



Sultan Sharafuddin dan Tengku Permaisuri Norashikin bergambar di hadapan rak buku Perpustakaan Mohammed Bin Rashid di Dubai, Emiriah Arab Bersatu yang menempatkan 1.1 juta koleksi buku pada 4 September



Tunku Temenggong Johor Komander Tunku Idris Iskandar Al-Haj, juruterbang TLDM menghadap Sultan Sharafuddin selaku Kapten Yang Dipertua TLDM di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada 11 April



DYTM Raja Muda Selangor berkenan berangkat menyertai Perbarisan Hari Ulang Tahun 10 Briged (Para) Ke-28 di Padang Kawad 17 RAMD (Para), Kem Terendak, Melaka

# Daulat Tuanku

**SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU**



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**
**IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**
**SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**
**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

kps

# Daulat Tuanku

**SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU**



## DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

## SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**
**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

LBS

BELIEVE • BECOME • BEHOLD

SELANGOR

# Daulat Tuanku

**SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU**



## DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

## SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**
**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

**PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD**
199001014678 (206347-V)

DAN ANAK-ANAK SYARIKAT

# Daulat Tuanku

**SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU**



## DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

## SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**
**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA
DATUK BANDAR, AHLI-AHLI MAJLIS DAN WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

SELANGOR

# Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**
**IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K.(TERENGGANU), D.K.(KELANTAN), D.K.(PERAK), D.K.(PERLIS), D.K.(NEGERI SEMBILAN), D.K.(KEDAH), D.K.(JOHOR), D.K.(PAHANG), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**
**SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**

**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA:

MBSJ
DEMILAND BERSAMA

DATUK BANDAR, TIMBALAN DATUK BANDAR, AHLI-AHLI MAJLIS DAN SELURUH WARGA KERJA
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA


SELANGOR
Daulat Tuanku
SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.
SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA
Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H
SEMBAH TAKZIM DARIPADA
KUSEL


SELANGOR
DAULAT TUANKU
SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J
SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA
Sembah Tahniah dan Ucap Selamat Sempena
Ulang Tahun Hari Keputeraan yang ke-77 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H
SEMBAH TAKZIM DARIPADA
REKTOR , PENGURUSAN KUIS DAN SELURUH WARGA KUIS
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR
DKU002(B)


SELANGOR
Daulat Tuanku
SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.
SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA
Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H
SEMBAH TAKZIM DARIPADA
YANG DIPERTUA, AHLI MAJLIS, KAKITANGAN DAN WARGA AMPANG JAYA
MPAJ
BERBAKTI BERSIH BERBUDAYA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA


SELANGOR
Daulat Tuanku
SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ
D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.
SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA
Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H
SEMBAH TAKZIM DARIPADA
YANG DIPERTUA, AHLI MAJLIS, DAN WARGAKERJA MAJLIS PERBANDARAN KLANG

# DAULAT TUANKU

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**
**IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**
**SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat

Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

富貴 NIRVANA

KUMPULAN NIRVANA ASIA

# Daulat Tuanku

**SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU**



## DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
## IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

## SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
## SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**
**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

SPLENDID FORTE

SPLENDID FORTE DEVELOPMENT SDN BHD

SELANGOR

# Daulat Tuanku

**SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU**



## DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

## SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**
**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA
YANG DIPERTUA, AHLI-AHLI MAJLIS SERTA SELURUH WARGA KERJA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

# Prestij pelayaran Raja Muda




Tengku Amir Shah (tiga,kanan) bersama kru kapal layar 'Venture' dalam kejohanan RMSIR 2022 dari Pelabuhan Klang ke Langkawi selama sembilan hari hingga 27 November. Pasukan Baginda menjuarai kelas 3 acara berkenaan

Foto Facebook Selangor Royal Office

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

Regatta Antarabangsa Raja Muda Selangor (RMSIR) yang diasaskan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 1990 sentiasa dinantikan penggiat sukan itu dari seluruh dunia.

Kejohanan itu diperkenal Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ketika menjadi Raja Muda kerana cintanya terhadap dunia pelayaran.

Baginda turut belayar sejauh 32,200 batu mengelilingi dunia pada 4 Februari 1995 ketika memangku tugas Sultan Selangor pada usia 49 tahun.

Mengikut Arkib Negara, Sultan Sharafuddin teruja apabila hasrat sejak kecil diperkenan ayahandanya Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Baginda kemudian mengembara di lautan luas melalui kapal layar buatan Finland. Kapal sepanjang 20 meter iaitu S.Y Jugra membawa Baginda merentasi tiga lautan, 14 perairan, tiga terusan dan 159 pelabuhan.

Selama 644 hari berlayar, Baginda ditemani anak kapal berpengalaman dari New Zealand iaitu Craig Rosevear, Mark Crossen dan Clare John Stone.

Pengembaraan itu menempa sejarah berikutan Baginda menjadi anak Melayu pertama berbuat demikian.

### Latih bakat muda

Pencapaian Baginda tercatat dalam The Malaysia Book of Records sebagai 'Anak Melayu Pertama Belayar Mengelilingi Dunia'.

Minat Baginda diteruskan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah yang sering menyertai RMSIR termasuk tahun ini. Edisi terbaharu menyaksikan Baginda yang mengemudi kapal layar 'Venture' menjuarai Kelas 3.

Seperti ayahandanya, Tengku Amir Shah tidak kekok untuk mengendalikan kapal layar. Selaku komodor seumur hidup Royal Selangor Yacht Club (RSYC), Baginda aktif membantu melatih bakat muda tempatan bagi menjadi pelayar terkemuka.

Kejohanan perlumbaan kapal layar kedua tertua di Asia itu membabitkan laluan dari Pelabuhan Klang-Pulau Pangkor-Pulau Pinang-Langkawi bermula 19 hingga 27 November.

Ia disertai 32 bot dan 320 kelasi dari dalam dan luar negara seperti Hong Kong, Australia, New Zealand, United Kingdom, Thailand serta Singapura.

Pelayaran sembilan hari melalui perjalanan sejauh 260 batu bukan mudah kerana peserta perlu melalui cuaca tidak menentu. Kepakaran dan teknik dituntut untuk sampai ke garis penamat.

Edisi kali ini turut memfokus usaha mempromosi pelancongan budaya, kesenian dan warisan bagi meningkatkan sektor pelancongan negeri.

Ia turut dimeriahkan dengan program pembersihan sungai dan lawatan untuk memperkenal peserta dengan gastronomi Klang khususnya makanan warisan seperti nasi ambeng.

Selain bidang sukan, Tengku Amir Shah juga aktif menyampaikan bantuan kepada golongan memerlukan seperti anak yatim dan orang kurang upaya.

Setiap kali sambutan Hari Raya Aidilfitri, Baginda akan menghulur duit raya dan sumbangan kepada asnaf bagi meringankan beban golongan berkenaan.

Pada musim banjir tahun lalu, Baginda bersama anggota keselamatan turut membantu menyelamat mangsa bah yang terperangkap serta mengagihkan bantuan keperluan.

**Air Selangor**

**PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD**
**(201401006213)**

**KENYATAAN TENDER**

| Bil. | NO. TENDER | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1. | PN0000013303 | PROVISION OF CORRECTIVE MAINTENANCE OF ELECTROMAGNETIC (EM) FLOWMETERS |
| 2. | PN0000013305 | PREVENTIVE MAINTENANCE ON SCADA OUTSTATION EQUIPMENT AND INSTRUMENTATIONS FOR RTU PANELS (PACKAGE 1) |
| 3. | PN0000013304 | PREVENTIVE MAINTENANCE ON SCADA OUTSTATION EQUIPMENT AND INSTRUMENTATIONS FOR RTU PANELS (PACKAGE 2) |
| 4. | PN0000013281 | SUPPLY AND DELIVERY OF ULTRASONIC, HYDROSTATIC LEVEL SENSORS AND PRESSURE TRANSMITTERS |
| 5. | PN0000013282 | GENERAL CORRECTIVE MAINTENANCE OF SCADA AND INSTRUMENTATIONS |
| 6. | PN0000013301 | PROVISION OF RORO-BIN RENTAL AND TRANSPORTATION SERVICES FOR DISPOSAL OF RESIDUAL (SW204) FROM 25 WATER TREATMENT PLANTS (WTP) TO BUKIT BADONG RESIDUAL DISPOSAL AREA (RDA), SUNGAI LABU RDA, JENDERAM HILIR RDA AND TANJUNG DUA BELAS SANITARY LANDFILL |

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di **https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists** atau menyertai saluran Telegram kami di **https://t.me/tenderairselangor** untuk mendapatkanpemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/ Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan AirSelangor.** Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: **https://www.airselangor.com/vendor** dan ikuti panduan yang dipaparkan dilaman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma.**

# DAULAT TUANKU

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**
**IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**
**SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**
**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

SEPANG

YANG DIPERTUA, AHLI-AHLI MAJLIS, PEGAWAI DAN KAKITANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG SERTA SELURUH WARGA SEPANG



BERSIH HIJAU SEJAHTERA | www.mpsepang.gov.my | Majlis Perbandaran Sepang | mpsepang_official | MPSepang | mpsepang

# Daulat Tuanku

**SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU**

**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**
**IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**
**SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**
**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

HALAL INTERNATIONAL SELANGOR

SINGLE COMMUNITY
GLOBAL MARKETS

**HIS TOYYIBA SDN BHD (FOMERLY KNOWN AS ASPIRE FLAGSHIP SDN BHD)**



# Kubah hijau hiasi masjid




Foto Nur Adibah Ahmad Izam

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

Tambahan kubah tembaga antara daya tarikan baharu Masjid Raja Lumu, masjid diraja kesembilan di negeri ini selepas kerja menaik taraf selesai baru-baru ini.

Kubah tembaga itu berwarna hijau selepas proses pengaratan mirip konsep binaan ikonik Patung Liberty di New York.

Bezanya, warna hijau patung simbol kebebasan itu yang dibina pada 1883 terhasil daripada proses pengoksidaan semula jadi, mengubah warna asalnya keperang-perangan susulan peredaran masa.

Farid Abdullah, pengurus projek pembinaan masjid itu, menjelaskan mereka mempercepat proses pengoksidaan kepingan tembaga di sebuah makmal di Jerman.

"Ini kelainan yang cuba ditampil dalam seni bina Masjid Raja Lumu, sama seperti bangunan hebat lain di luar negara," katanya kepada Selangorkini pada 23 November.

Pembinaan kubah baharu dijayakan Rafulin Holdings Sdn Bhd selepas dipersetujui Kumpulan Senireka, arkitek Masjid Diraja Istana di Istana Alam Shah, Klang.

Mampu memuatkan 700 jemaah pada satu-satu masa, masjid yang tersergam indah di kaki Bukit Melawati, Kuala Selangor turut mengekal kubah asal.

### Chandelier dari Mesir

Deretan tangga dibina bagi memudahkan orang ramai yang melancong ke Bukit Malawati singgah solat di Masjid Raja Lumu.

Di ruang solat utama, bangunan asal masjid yang dahulu dikenali Masjid Pekan Lama Kuala Selangor, keindahan kesenian Islam begitu terserlah.

Ada lampu chandelier dari Mesir manakala hiasan dinding dari Uzbekistan. Ayat-ayat al-Quran turut diukir pada batu serta kayu hasil kreativiti penggiat seni tempatan. Kos keseluruhan projek berjumlah RM10.4 juta, RM8.6 juta daripadanya diwakaf Yayasan Rafulin.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sentiasa mengikuti rapat kerja naik taraf termasuk mencemar duli meninjau perkembangan projek itu.

"Baginda melawat projek naik taraf itu pada Mei lalu dan menyampaikan pandangan menerusi arkitek, ia memudahkan tugas kami dan menaikkan lagi seri masjid ini," katanya.

Pada 6 Oktober, Baginda berkenan merasmikan masjid itu dan menggelarkannya sempena nama Raja Lumu, Sultan Selangor pertama bergelar Sultan Salehuddin Shah yang memerintah dari 1766 hingga 1782.

Mengikut sejarah, Raja Lumu ditabal dan bersemayam di Bukit Malawati, Kuala Selangor, dulu dikenali Bukit Selangor.

Sultan Sharafuddin berharap seni bina masjid baharu itu menjadi antara daya tarikan penduduk selain menggamit pelancong ke Kuala Selangor.

“Beta percaya masjid ini memberi nilai tambah kepada sektor pelancongan serta kesan peninggalan sejarah yang masih boleh dapat dilihat di daerah Kuala Selangor ini,” titah Baginda dalam upacara perasmian.

Menurut Pengurus Masjid Raja Lumu Luqmanulhafiz Mohd Amir, pelancong dari Timur Tengah memuji seni binanya.

"Di luar pula, ada mural lakaran masjid asal dihasilkan Majlis Perbandaran Kuala Selangor," katanya.



SELANGOR

Daulat Tuanku

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat

Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H

SEMBAH TAKZIM DARIPADA

YAWAS®
yayasan warisan anak selangor



TROPICANA AMAN
KOTA KEMUNING

UNIT BUMIPUTERA,
PAKEJ ISTIMEWA UNIT TERHAD

Potongan Harga Bumiputera




1700 81 8868
tropicanaaman.com.my

TROPICANA AMAN PROPERTY GALLERY
No. 2, Persiaran Aman Perdana 3,
Bandar Tropicana Aman, 42500 Teluk
Panglima Garang, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

THE EDGE Top Property Developers Awards 2022 · ASIA PACIFIC PROPERTY AWARDS WINNER · StarProperty AWARDS 2022 REAL ESTATE DEVELOPER · TOPTEN · A member of TROPICANA

**ELEMEN:** Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor. • No. Lesen Pemaju:14012/02-2024/0103(A) • Tempoh Sah : 15/2/2022 – 14/2/2024 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-6/11-2022/03261(P) • Tempoh Sah: 19/11/2021 – 18/11/2022 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Daerah Kuala Langat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MDKL/JKB/2/4/1332(10) • Tarikh Dijangka Siap:Oktober 2023 • Pegangan Tanah: 99 Tahun (Tarikh Luput: 09/11/2110) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Teres 2 Tingkat • Jumlah Unit: 233 Unit (Jenis A: 56 Unit; Jenis A1: 20 Unit; Jenis A2: 10 Unit; Jenis B: 107 Unit; Jenis B1: 20 Unit; Jenis B2: 20 Unit) • Jumlah Baki Unit : Jenis A - Habis Dijual; Jenis A1 – Habis Dijual; Jenis A2 – 1 Unit; Jenis B – Habis Dijual ; Jenis B1 – Habis Dijual; Jenis B2 – Habis Dijual • Harga Jualan : Jenis A : RM1,508,800 (min) – RM1,921,800 (maks); Jenis A1: RM1,782,800 (min) – RM2,170,800 (maks); Jenis A2: RM2,102,800 (min) – RM2,664,800 (maks); Jenis B: RM1,166,800 (min) – RM1,736,800 (maks); Jenis B2: RM1,729,800 (min) – RM2,297,800 (maks) • Keluasan Bangunan Jenis A: 3,056.30kps (Min & Maks); Jenis A1: 3,172.12kps (Min & Maks) ; Jenis A2: 3,172.12kps (Min & Maks); Jenis B: 3,013.89kps (Min & Maks); Jenis B1: 3,142.31kps (Min & Maks); Jenis B2: 3,142.31kps (Min & Maks) • 7% Diskaun Bumiputera • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
**FREESIA:** Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) • Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No. 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012-7/05-2023/0420(L) • Tempoh Sah: 08/05/2021 – 07/05/2023 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-7/05-2023/0420(P) • Tempoh Sah: 08/05/2021 – 07/05/2023 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Kuala Langat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPKL/JKB/2/4/1/2021 (13) • Tarikh Dijangka Siap: Mei 2024 • Pegangan Tanah: Pajakan 91 Tahun (Tarikh Luput: 09/11/2110) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Berkembar 2 Tingkat; Rumah Banglo 2 Tingkat • Jumlah Unit: 198 unit (Rumah Berkembar 2 Tingkat Jenis A: 130 Unit; Jenis A1: 16 Unit; Jenis B: 48 unit; Rumah Banglo 2 Tingkat Jenis C: 4 unit) • Harga Jualan: Rumah Berkembar 2 Tingkat Jenis A: RM2,216,800.00 (Min.) – RM2,572,800.00 (Maks.); Jenis A1: RM2,610,800.00 (Min.) – RM3,083,800.00 (Maks.); Jenis B: RM2,303,800.00 (Min.) – RM2,720,800.00 (Maks.); Rumah Banglo 2 Tingkat Jenis C: RM4,251,800.00 (Min.) – RM4,625,800.00 (Maks.) • Keluasan Bangunan: (Rumah Berkembar 2 Tingkat Jenis A: 3,770 kps (Min & Maks); Jenis A1: 4,313 kps (Min & Maks); Jenis B: 3,769 kps (Min & Maks); Rumah Banglo 2 Tingkat Jenis C: 5,354 kps (Min & Maks) • 7% Diskaun Bumiputera • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran Pihak.
**AMAN 1 & TRIANA:** Semua ilustrasi adalah gambaran artis sahaja. Maklumat-maklumat yang terkandung dalam iklan ini tertakluk pada variasi, pengubahsuaian dan penggantian yang diperlukan oleh pihak berkuasa atau disyorkan oleh arkitek, jurutera atau perunding. Walaupun segala langkah berjaga-jaga telah diambil kira dalam penyediaan maklumat ini, ia tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Tertakluk pada terma dan syarat.
*Tertakluk pada terma & syarat




Foto Fikri Yusof

# Keris 300 tahun koleksi Sultan

Oleh **SOFIA NASIR & ABDUL RAHIM SABRI**

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj memiliki koleksi keris termasuk berusia lebih 300 tahun.

Keris jenis coteng itu yang berasal dari Patani, Thailand mempunyai ukiran unik menyerupai manusia (antropomorfik) pada hulu yang berbentuk muncung lurus dan panjang.

Baginda juga menyimpan keris Cirebon-Tegal Lok Lima berasal dari Jawa Utara. Ditempa pada abad ke-19 yang bilahnya tertera mentera azimat berukiran emas dengan gaya kawi lama, sistem tulisan terawal di nusantara.

Juga dikenali sebagai aksara Jawa kuno, tulisan tersebut digunakan secara meluas sekitar abad kelapan hingga ke-16.

Turut dimiliki, keris Minangkabau lurus berasal dari Sumatera Barat yang ada hiasan luar biasa dikenali sebagai putut pada bahagian akut dan lubang di kedua-dua bahagian tepi bilah.

Senjata tradisional masyarakat Melayu itu antara 59 koleksi peribadi milik Baginda yang diperaga dalam Pameran Keris: Kuasa dan Jati Diri di Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

Pameran antarabangsa itu anjuran bersama Yayasan Raja Muda Selangor (YRMS) dan muzium berkenaan untuk diperlihat kepada orang awam antara 2 Disember sehingga 13 Mac depan.

Pengunjung juga berpeluang menyaksikan Keris Lok Tujuh milik Kesultanan Negeri Selangor yang bertatah emas di seluruh bahagian, dari hulu hingga ke hujung termasuk sarungnya dalam program tersebut.

**Ambil masa dua tahun**

Kurator pameran Hariz Ahmad Kamal menjelaskan pihaknya mengambil masa dua tahun untuk mengadakan pameran yang julung kali mempersembah koleksi Sultan Sharafuddin.

"Ini kerjasama pertama kami bersama YRMS. Sebenarnya, kita ada rancangan untuk buat pameran ini tetapi terpaksa ditangguh akibat pandemik.

"Syukur kerana walaupun ia tertangguh selama dua tahun, YRMS sentiasa cakna dan memberikan kerjasama yang baik untuk menjadikan pameran ini satu kenyataan," katanya.

Pameran itu dibahagi kepada enam bahagian iaitu Dunia Melayu dan Sejarah Keris, Kesenian Keris, Warisan Bersama, Simbol Kedaulatan, Pengaruh Agama Islam, serta Kesinambungan Legasi.

Pengunjung khususnya peminat senjata tradisional itu dibawa menelusuri susur galur keris termasuk kedudukannya sebagai legenda selama berabad-abad dan dijadikan cenderamata antara kerajaan sebagai simbol diplomasi.

"Keris senjata yang diagung-agungkan dalam dunia Melayu. Pada kemuncak kemasyhurannya, ia menjadi fenomena budaya yang meluas dalam kalangan masyarakat Melayu bermula dari Aceh sehingga ke Mindanao," kata Hariz.

**Legasi keris**

Bagi mengekal warisan itu supaya tidak ditelan zaman, YRMS memulakan usaha mencari empu keris terkenal dan berpengalaman luas untuk dijadikan mentor dalam projek 'Talent For The World - Young Keris Maker'.

Pada masa kini, hanya 10 orang empu keris yang benar-benar asli dan pakar seni pembuatan keris yang masih hidup, kebanyakannya generasi lama.

Program bermula pada April 2019 membimbing tiga tukang muda untuk menguasai seni pembuatan keris melalui naungan lima mentor berpengalaman dari Pahang dan Terengganu.

Daripada hampir 200 penyertaan dari seluruh negara, tiga pelapis terpilih ialah Muzaffar Mohd Zafri, 32, Ahmad Azuan Othman, 33, dan Abdul Hakim Zulkifli, 29.

Mereka turut mempamer karya masing-masing iaitu Keris Bugis Lok Lima berpamor perut ular (Muzaffar), keris alang bilah 21 inci dengan sampir sari bulan (Ahmad Azuan) dan keris Bugis sepuk berpamor bulu merak (Abdul Hakim).

Karya keris moden mereka dipamer pada bahagian akhir galeri. Ia simbolik kepada sebahagian usaha bagi memastikan kesinambungan seni pembuatan keris kepada generasi masa hadapan.

Pameran diraja itu turut menyajikan pelbagai aktiviti menarik seperti program pendidikan, bual bicara, bengkel kayu dan wayang kulit, serta perkongsian istimewa daripada tiga pelatih program YRMS.

# Pelopor mata wang Selangor

Oleh NADIAH ZAMLUS


Foto PADAT

Sekalipun menempuh pelbagai peristiwa termasuk serangan Belanda pada 13 Julai 1784, pemerintahan Sultan Ibrahim Shah ibni Sultan Salehuddin Shah selama 54 tahun berjaya mengukuhkan kedudukan dan pembangunan negeri.

Sepanjang pentadbiran Sultan Selangor kedua itu antara 1782 hingga 1826, Selangor terkenal sebagai pengeluar bijih timah. Perkembangan ekonomi berlangsung pesat hasil perdagangan komoditi tersebut.

Baginda juga pelopor mata wang kesultanan Selangor. Cucunda Yamtuan Muda Riau II Daeng Celak itu dipercayai sultan pertama di negeri ini yang menghasilkan mata wang sendiri atas nama Baginda.

Kurator Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) Intan Salina Idrus berkata kerja ekskavasi arkeologi pada 2011 di Kampung Lubuk Jaya, Kuala Selangor menemui syiling pertama yang dicetak atas nama Sultan Ibrahim Shah.

"Kerja penggalian dilakukan di tanah milik persendirian kerana awalnya tuan tanah menjumpai artifak ketika kerja menggali parit, kemudian kita menjalankan kerja ekskavasi di situ bagi mendapatkan gambaran lebih jelas.

"Hasilnya, kita menemui 10 unit mata wang dan empat daripadanya mempunyai tulisan dengan perkataan Sultan Ibrahim," katanya pada 5 November.



**Syiling bergerigi**

Pada permukaan depan syiling tertera perkataan Seri Sultan Ibrahim Shah yang disusun dalam empat baris. Di belakangnya pula terpapar perkataan Selangor Darul Khusus.

Syiling seberat 8.6 gram dan berdiameter 26 milimeter itu dihiasi dengan gerigi di sekelilingnya.



Semua syiling berkenaan diperbuat daripada timah dan tulisannya menggunakan tulisan jawi.

Menerusi jurnal Warkah Sultan Ibrahim 1785-1794 oleh Universiti Teknologi Petronas, cap mohor Baginda juga terukir ayat al-Quran.

Penggunaan tulisan jawi dan penggunaan tarikh hijrah menggambarkan identiti Islam ketika zaman pemerintahan Baginda.

Intan Salina menambah penemuan mata wang Sultan Ibrahim Shah ini dikategori sebagai artifak yang mempunyai pentarikhan mutlak kerana tertera nama raja atau penguasa serta angka tahun diterbitkan.

"Namun penyelidikan lanjut tentang syiling ini memerlukan gambaran lebih terperinci seperti sejak bila mata wang timah di Selangor dikeluarkan. Juga perlu dikaji ialah fungsi wang berkenaan sama ada sebagai ufti, tukaran atau ada nilai semasa untuk pembelian.

"Kita juga perlu tahu lebih terperinci di mana tempat dan cara pembuatan mata wang berkenaan," katanya lagi.

Penggunaan syiling Sultan Ibrahim ini dipercayai terhenti ketika Inggeris mula memperkenal mata wang mereka di Tanah Melayu.



**KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR**

**KENYATAAN TENDER**

Tender ini adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

| PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN | NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK | TARAF | SYARAT PENDAFTARAN | TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL | HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA | TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor | **JPS/N/SEL/S/ 18/2022** PROJEK TEBATAN BANJIR SUNGAI BANTING, DI PEKAN BANTING DAN KAWASAN SEKITARNYA, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN. | Terbuka | Berdaftar dengan CIDB. Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. **Gred : G4** **Kategori : CE** **Pengkhususan : CE21 & CE36** Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS) | Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender. selangor.my/. Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. **21HB DISEMBER 2022** hingga **10HB JANUARI 2023** | **RM230.00** Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran Secara Online) | Peti Tender, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor **11HB JANUARI 2023 (RABU)** Jam 12.00 tengah hari |
| Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** pada 19hb Disember 2022 (Isnin) jam 10.00 pagi. Tempat Berkumpul: Bilik Mesyuarat JPS Kuala Langat, Sungai Manggis, 42700 Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan | | | | | | |
| Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor | **JPS/N/SEL/S/ 24/2022** KERJA-KERJA TEBATAN BANJIR DI SIJANGKANG, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN. | Terbuka | Berdaftar dengan CIDB. Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. **Gred : G7** **Kategori : CE** **Pengkhususan : CE21 & CE36** Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS) | Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender. selangor.my/. Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. **21HB DISEMBER 2022** hingga **10HB JANUARI 2023** | **RM680.00** Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran Secara Online) | Peti Tender, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor **12HB JANUARI 2023 (KHAMIS)** Jam 12.00 tengah hari |
| Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** pada 19hb Disember 2022 (Isnin) jam 2.30 petang. Tempat Berkumpul: Bilik Mesyuarat JPS Kuala Langat, Sungai Manggis, 42700 Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan | | | | | | |
| Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor | **JPS/N/SEL/S/ 22/2022** PROJEK TEBATAN BANJIR DI KAWASAN SG. PINANG, DI BAWAH PROJEK TEBATAN BANJIR SUNGAI KEMBONG, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN. | Terbuka | Berdaftar dengan CIDB. Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. **Gred : G5** **Kategori : CE & M** **Pengkhususan : CE21, CE36 & M15** Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS) | Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender. selangor.my/. Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. **22HB DISEMBER 2022** hingga **11HB JANUARI 2023** | **RM240.00** Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran Secara Online) | Peti Tender, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor **13HB JANUARI 2023 (JUMAAT)** Jam 12.00 tengah hari |
| Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** pada 20hb Disember 2022 (Selasa) jam 10.00 pagi. Tempat Berkumpul: Bilik Mesyuarat JPS Klang, Jalan Tali Air, Kawasan 1, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan | | | | | | |
| Lawatan Tapak Adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan. | | | | | | |

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan pada waktu **9.00 pagi** hingga **3.30 petang** sahaja. Waktu rehat **1.00 tengah hari** hingga **2.00 petang**. Salinan resit pembelian hendaklah dilampirkan semasa pengambilan dokumen tender. Sila patuhi **SOP** yang telah ditetapkan semasa proses pengambilan dokumen tender.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa SIJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAAN INDUSTRI PEMBINAAN, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN DAN PENDAFTARAN UPENS SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PKK jika berkenaan dan satu SALINAN bagi sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Petender boleh menyemak Jadual Tender yang akan dipaparkan di dalam laman web Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor selewat-lewatnya Tujuh (7) hari dari tarikh tutup tender.


# Kapal unggul pelayaran Bugis

Oleh **FARIDZWAN ABDUL GHAFAR**

Jika orang Melayu terkenal dengan jong pada abad ke-15 semasa kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka, masyarakat Bugis pula terkenal di lautan menerusi kapalnya yang dikenali sebagai pinisi.

Kapal pinisi telah mengukir imej orang-orang Bugis sebagai pelayar unggul dan menguasai jaringan perdagangan, khususnya di pelabuhan-pelabuhan Nusantara sebelum munculnya kapal moden berenjin wap.

Keberadaan pelayar Bugis di Alam Melayu bukan sahaja untuk berdagang tetapi juga menyebarkan agama Islam selain menjadi benteng pertahanan untuk negeri-negeri Melayu melawan asakan penjajah Belanda.

Kehebatan orang Bugis mengimbangi kuasa Barat dan mengawal jaringan perdagangan banyak dibantu kapal pinisi yang direka untuk pelayaran jarak jauh, bahkan menjadi kekuatan ampuh dalam penguasaan laut.



Mengikut Sejarah Ringkas Warisan Perkapalan Tradisional Melayu tulisan Hashim Musa, Rozita Che Rodi dan Salmah Jan Noor Muhammad terbitan Jurnal Antarabangsa Tamadun dan Dunia Melayu 2014, pinisi ialah kapal layar tradisional yang berasal dari suku Bugis dan suku Makassar di Sulawesi Selatan.

Kapal pinisi digunakan pelayar Bugis di Alam Melayu sejak beberapa abad lalu. Dianggar kapal pinisi sudah ada sebelum 1500-an.

Menurut naskhah purba Bugis iaitu 'Lontarak Babad La Lagaligo' pada abad ke-14, kapal pinisi pertama dibuat oleh Sawerigading, putera mahkota Kerajaan Luwu untuk belayar ke China untuk meminang Puteri Maharaja China bernama We Cudai.

Mengikut pengkaji Barat pula pinisi dibina dengan kaedah sedikit sebanyak mencontohi kapal jenis pinas Belanda selepas diperkenal Syarikat Hindia Timur Belanda sekitar 1600.

Menurut Herry Lisbijanto dalam bukunya Kapal Pinisi pada 2013, kapal warisan Bugis itu mempunyai bahagian utama yang penting, antaranya:

- Lunas kapal yang disebut Kalabiseang. Terdapat pada bahagian bawah kapal dan diibaratkan sebagai tulang punggung kapal. Lunas kapal terbahagi atas dua iaitu lunas depan dan belakang yang disebut Sotting.
- Kulit dan kerangka kapal. Pada proses pembuatan kapal pinisi, kulit kapal disusun terlebih dahulu mengikut susunan papan. Papan tersebut di bengkokkan dan papan pertama disebut Panggepe. Setelah kulit kapal tersusun, barulah kerangka dalam kapal disusun disesuaikan dengan kulit kapal yang dibuat pada peringkat awal itu.
- Dek atau Katabang. Setelah badan kapal dibuat, proses selanjutnya daripada pembuatan kapal pinisi adalah membangun geladak atau dek kapal. Biasanya bahan yang dipakai dalam pembuatan geladak dan lantai kapal adalah kayu jati putih
- Tiang Agung yang terdiri dari dua tiang merupakan ciri khas kapal pinisi. Kapal pinisi tradisional yang belum menggunakan mesin diesel menggunakan layar sebagai penggerak kapal. Sehubungan itu, tiang depan dibuat lebih panjang daripada tiang belakang supaya kapal dapat bergerak lebih cepat ketika belayar. Dalam proses pembuatannya juga, tiang kapal biasanya dikerjakan ketika kapal telah diluncurkan ke laut.
- Kapal pinisi mempunyai tujuh layar yang menjadi sebahagian ciri khasnya. Layar itu terdiri daripada layar utama yang disebut Sombala, layar kecil di atas setiap layar utama disebut Tanpasere, dan tiga layar pembantu yang berada di depan yang masing – masing disebut Cocoro pantara, Cocoro tanganga dan tarengke.

Pinisi membuktikan keistimewaannya dengan menaklukkan samudera dan melakukan pelayaran jarak jauh sehingga ke beberapa negara Asia. Walau kapal warisan Bugis itu diperbuat daripada kayu, namun ia mampu bertahan daripada ombak dan badai di laut lepas.

Kapal pinisi menjadi manifestasi keunggulan kejuruteraan pengangkutan laut Alam Melayu yang dipelopori masyarakat Bugis. Justeru, tidak hairanlah imej kapal pinisi gah belayar di lautan diabadikan pada wang kertas 100 rupiah Indonesia.

*Foto ihsan artikel* Perahu-perahu Tradisional Nusantara *oleh Horst H Liebner (2005)*

SELANGOR

# Daulat Tuanku

**SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU**



## DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
## IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K., D.M.N., D.K.(Terengganu), D.K.(Kelantan), D.K.(Perak), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Kedah), D.K.(Johor), D.K.(Pahang), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J.

## SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
## SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

**Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat**

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-77**
**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**
**Pada 11 Disember 2022 Bersamaan 16 Jumadal Ula 1444H**

*SEMBAH TAKZIM DARIPADA*
*AHLI LEMBAGA PENGARAH, PENGURUSAN SERTA KAKITANGAN*

MediaSelangor

# DAULAT TUANKU

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU



## DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ

D.K. , D.M.N , D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), D.K. (Pahang), S.P.M.S. , S.S.I.S. , S.P.M.J

SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat

SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-77 DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR

PADA 11 DISEMBER 2022 BERSAMAAN 16 JUMADAL ULA 1444H

Sembah Takzim Daripada:

MBI
Menteri Besar Selangor Incorporated

kps
PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
Kumpulan Hartanah Selangor Berhad
INVEST SELANGOR
Tourism Selangor
MediaSelangor
Air Selangor
SMG
WBS
WASTE MANAGEMENT
DARUL EHSAN
unisel
STDC
HIJRAH SELANGOR
KUSEL
SMART SELANGOR DELIVERY UNIT
YAWAS
KSSB
HALAL INTERNATIONAL SELANGOR
SELATI

MEMACU KEHIDUPAN

Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd** (sebelumnya dikenali **Communication Corporation Sdn Bhd**), Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn. Bhd** Lot 2, Jalan Sepana 15/3, off Pesiaran Selangor Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor